

FIM2020 platform rancakkan perkembangan industri francais



Kuala Lumpur: Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020) yang bakal berlangsung pada 15 hingga 21 Oktober ini tampil dengan keunikan tersendiri apabila dianjurkan julung kalinya secara maya dengan tema Melangkaui 2020: Kearah Pendigitalan Perniagaan Francais.

FIM2020 yang dianjurkan Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) secara maya itu adalah jalan terbaik bagi mengelakkan sebarang risiko atau penularan wabak pandemik Covid-19.

Pengerusi Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020), Prof Dr Azmawani Abd Rahman berkata, tema yang diketengahkan tahun ini sangat bertepatan dengan keadaan penularan pandemik Covid-19 kerana semua perniagaan bergerak ke arah digital.

Menurutnya, peniaga kini perlu produktif dan efisien. Jadi, di sini pemain industri francais perlukan banyak maklumat untuk ke arah pendigitalan.

"Industri francais sangat perlu ke arah pendigitalan terutama makanan

dan minuman kerana perniagaan perlu mematuhi standard selain membolehkan sistem pesanan, penghantaran dan sebagainya digunakan.

"Francais membabitkan perkhidmatan yang sedang berkembang iaitu perkembangan awal kanak-kanak juga sangat memerlukan pendigitalan kerana sistem pembelajaran yang kini ke arah dalam talian," katanya.

Prof Dr Azmawani berkata, FIM2020 ini juga diadakan bertujuan untuk

mendidik serta memberi pendedahan kepada peserta mengenai perniagaan francais.

Menurutnya, industri francais ini sangat unik dan tidak sama dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang lainnya kerana memerlukan pendidikan serta pendedahan yang berpanjangan.

"Kita juga ingin menggalakkan orang ramai menceburi bidang francais dan FIM2020 ini adalah platform terbaik bagi mereka mengetahui segala

“
Kita ingin
galakkan orang
ramai menceburi
bidang francais
Prof Dr Azmawani
Abd Rahman



hal mengenainya.

"Dalam masa yang sama, kita juga mahu menyokong usaha kerajaan membangunkan industri francais untuk menjadikan Malaysia sebagai hab francais di Rantau Asia," katanya.

Prof Dr Azmawani berkata, selain diadakan secara maya, FIM2020 kali ini berbeza kerana buat pertama kalinya juga ia berlangsung selama tujuh hari.

Menurutnya, FIM2020 kali ini bukan saja mengetengahkan pelbagai topik menarik tetapi turut menjadi pusat sehati bagi mendapatkan pelbagai maklumat mengenai francais.

"Semua topik yang diketengahkan adalah terkini dan relevan dengan keperluan francais serta francaisor.

"FIM2020 ini juga lebih fleksibel. Justeru, peserta tidak perlu mengikuti persidangan sepanjang tiga hari itu sebaliknya boleh memilih topik yang diinginkan saja dengan harga yang sangat berpatutan," katanya.

FIM2020 ini terbuka bukan saja kepada francais dan francaisor tetapi juga peniaga yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan dan usahawan luar negara.